

## KENYATAAN TAWARAN TENDER



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

### **TENDER TERBUKA PERKHIDMATAN MENCETAK, MEMBEKAL, MEMBUNGKUS DAN MENGHANTAR KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN, SAMPUL PLASTIK KERTAS SOALAN, SAMPUL PLASTIK SKRIP JAWAPAN, BUKU JAWAPAN PEPERIKSAAN, FAIL HIJAU BERPOKET, BEG PEPERIKSAAN BERNOMBOR IPGM, HELAIAN TAMBAHAN PROGRAM PENUH MASA DAN KURSUS DALAM CUTI BAGI KEPERLUAN PEPERIKSAAN TAHUN 2025-2027**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada petender-petender tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang 221607: Cetakan Keselamatan** dan ePerolehan *enabled* serta mempunyai Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih aktif sekurang-kurangnya sehingga **enam (6) bulan** dari tarikh tutup tawaran ini dan mempunyai token ePerolehan yang belum luput tarikh.
2. Butiran tender yang ditawarkan adalah seperti berikut:
  - 2.1 Kod Tender : QT240000000033287
  - 2.2 Tarikh Iklan Tender : 14 November 2024 (Khamis)
  - 2.3 Tarikh Taklimat Tender : 18 November 2024 (Isnin)
  - 2.4 Tarikh Tutup Tender : 9 Disember 2024 (Isnin)
3. Tender dilaksanakan menerusi sistem ePerolehan sepenuhnya dan boleh diakses di laman web ePerolehan di **<https://www.eperolehan.gov.my>**. Petender hendaklah berdaftar dengan sistem ePerolehan (*eP Enabled*). Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan **sebelum atau selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender**.

4. Petender dikehendaki mengemukakan **melalui sistem ePerolehan SEMUA** borang dan dokumen sokongan yang diminta oleh pihak Kementerian dalam dokumen tender. Petender yang gagal mengemukakan kesemua dokumen yang diminta, maka Kementerian ini mempunyai hak untuk tidak menilai tawaran petender.
5. Kementerian Pendidikan Malaysia tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
6. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di portal rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia <https://www.moe.gov.my> dan e-Perolehan. Petender dinasihatkan untuk sentiasa melayari portal rasmi yang dinyatakan bagi mendapatkan maklumat mengenai arahan-arahan terkini atau pindaan yang dikeluarkan dari masa ke masa.

#### **Bahagian Perolehan**

#### **Kementerian Pendidikan Malaysia**